



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2016/02/15 (HQ)

TNB BELANJA RM65 JUTA PERKUKUHKAN INFRASTRUKTUR DI KEDAH

Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada tahun ini memperuntukkan perbelanjaan modal sebanyak RM65 juta untuk penyediaan kemudahan infrastruktur dan rangkaian kabel serta pencawang di Negeri Kedah.

Menurut Pengurus Besar Negeri (Kedah), Bahagian Pembahagian TNB, Zubir bin Haji Hashim, sebahagian daripada peruntukan tersebut iaitu sebanyak RM2 juta bertujuan memperkukuhkan lagi sistem bekalan elektrik di kawasan Pendang.

Tambah beliau lagi, hasil dari komitmen pengurusan TNB Negeri Kedah, tempoh gangguan bekalan elektrik pada tahun lalu merekodkan catatan terendah iaitu hanya 69.5 minit setiap pengguna pada tahun 2013/2014 berbanding 84 minit pada tahun 2012/2013.

Zubir turut menyeru kepada para pengguna supaya menggunakan elektrik secara berhemah, selamat, dan bijak iaitu dengan mematuhi peraturan-peraturan yang telah digariskan bagi mengelakkan kemalangan yang boleh meragut nyawa.

Di majlis tersebut, TNB turut menyumbang sebanyak 50 unit set meja batu kepada masjid-masjid seluruh kawasan Parlimen Pendang bernilai RM20,000.

Turut hadir Ahli Parlimen Pendang, Y.B. Dato' Wira Othman bin Abdul, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita & Keluarga, Pertanian & Asas Tani, Kebajikan Masyarakat & Pembangunan Usahawan, Y.B. Dato' Suraya bin Yaacob merangkap ADUN Sg. Tiang, Pegawai Daerah Pendang, Nawazir bt Hj Abdul Ghani, serta Ketua Kawasan Utara Suruhanjaya Tenaga Penang, Kedah, Perlis, Haji Md Zakuan bin Abd Rahman.

Dikeluarkan di Pendang, Kedah pada 28 Februari 2016

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Amiza Mohd Aris (019-213 6320) &
Ku Abdul Razak Ku Ismail (019-446 3434)*

media@tnb.com.my